

05/09/1997

Pembangunan MSC perlu pembabitan pelbagai pihak

Ahmad Ghazali Musa

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) adalah antara benteng pertahanan negara di masa depan yang diharap dapat menangkis serangan daripada penyangak ekonomi dunia. Sebab itu, projek pembangunan MSC di kawasan seluas 750 kilometer persegi akan terus digerakkan sehingga menjadi kenyataan.

Ini terbukti dalam kemurungan ekonomi negara sekarang sesi perbincangan bagi memperkukuh pelaksanaan projek MSC yang secara fizikal sudahpun bermula, diteruskan pada Persidangan Multimedia Asia 1997 (MMA 97) di Hotel Mines dan Resort di Sungai Besi, 16 hingga 19 September ini.

Persidangan kali kedua bertema 'Menggerakkan MSC Daripada Wawasan Menjadi Realiti - Uji Pakai Sistem Penyelesai Pintar' akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun sebelum MSC mampu menjadi benteng ekonomi negara, pembangunannya menagih umat memperkukuh dan memperlengkap ilmu menjadi lebih kreatif melahirkan produk ekonomi yang mampu diterima di peringkat dunia.

Dengan tujuh aplikasi perdana (sekolah bestari, teleperubatan, perdagangan elektronik, kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D), kad pelbagai guna, Web pengeluaran dunia dan pemasaran tanpa sempadan) yang masing-masing memiliki keunikan, membuktikan kesungguhan untuk melahirkan umat kental sedia menidakkan tohmahan dan tanggapan projek itu hanya anangan-angan mat jenin.

Kaedah pelaksanaan tujuh aplikasi perdana MSC itu akan dibincangkan secara terperinci dalam sesi perbincangan antara ahli panel dengan Dr Mahathir sebagai penguaptama.

Persidangan kali ini akan menumpukan pelaksanaan aplikasi perdana MSC melalui laporan tokoh IT terkemuka dunia yang dijalankan sama ada dalam bentuk perbincangan dalam kumpulan atau menerusi persidangan video.

Kertas kerja tidak banyak dibentangkan kerana format adalah dalam bentuk perbincangan panel secara lebih praktikal, mengemas kini isu utama dan kritikal bagi kejayaan mewujudkan komuniti multimedia yang menjadi matlamat utama MSC.

MMA 97 juga agak unik kerana ia berkonsepkan elemen dalam pembangunan MSC iaitu pusat pentadbiran baru kerajaan pusat, Putrajaya dan bandar IT, Cyberjaya diserikan 58 syarikat yang akan menyerai pameran.

Dianjurkan bersama Mimos Bhd, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan Miller Freeman, persidangan ini menyaksikan beberapa perjanjian kerjasama membangunkan produk multimedia di MSC sama ada antara syarikat tempatan atau syarikat tempatan dan luar negara.

Antaranya majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Mimos Bhd, Telekom Malaysia dan universiti tempatan membabitkan pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk ujian multimedia dan progam cubaan bersama bernilai RM6 juta.

Bagaimanapun, pihak penganjur belum menetapkan jumlah pelaburan daripada perjanjian persefahaman yang akan ditandatangani pada persidangan kali ini.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTMK), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, berkata menjadikan MSC satu realiti, mengambil beberapa model seperti pembangunan Lembah Silikon dan beberapa tempat lain untuk diadun dan disesuaikan dengan nilai dan budaya tempatan.

Sebab itu, katanya, dalam pelaksanaan MSC negara perlu kepada khidmat syarikat besar, kecil dan sederhana kerana masing-masing mempunyai pengalaman, teknologi dan pasaran tersendiri.

"Kita tengok model Lembah Silikon, ia berjaya bukan sekadar kerana kehadiran syarikat gergasi, malah turut bergolak di kalangan syarikat kecil. MSC perlu kepada usahawan dari syarikat yang baru bermula dan syarikat dari inkubator untuk tumbuh sebagai gergasi," katanya.

(END)